SAMPEL PERCUMA

Trial SPM 2021 Pendidikan Islam Kelantan + Skema

Set penuh: Kertas Trial SPM

Pendidikan Islam (35+ set)

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- Kertas trial SPM dari banyak negeri untuk subjek yang dipilih
- Skema jawapan / cadangan jawapan
- Set Penuh: semua 17 subjek dan jadual ulangkaji A+
- Set Lengkap SPM: + kertas sebenar SPM 2025 + kupasan mutu jawapan + nota 9 subjek T4 & T5

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

2. (*a*) Umat Islam hendaklah sentiasa mengukuhkan iman supaya terhindar daripada ajaran sesat.

(i) Nyatakan maksud ajaran sesat. [2 *markah*]

(ii) Anda dikehendaki memilih satu aspek sahaja daripada aspek di bawah;
a. Akidah.
b. Ibadah.
Jelaskan **dua** ciri kesesatan dari aspek tersebut. [4 *markah*]

(iii) Ramalkan kesan yang bakal menimpa masyarakat Islam yang memandang ringan terhadap penularan ajaran sesat. [4 *markah*]

(*b*) Ahli Sunah Waljamaah berpegang kepada al-Quran, Sunah dan pendapat para sahabat.

(i) Nyatakan **dua** nama lain bagi Ahli Sunah Waljamaah. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan pandangan Ahli Sunah Waljamaah terhadap perkara berikut:
a. Kedudukan iman.
b. Pelaku dosa besar. [4 *markah*]

(iii) Jelaskan **dua** prinsip akidah Ahli Sunah Waljamaah. [4 *markah*]

3. (*a*) Ibadah korban dan akikah melambangkan tanda kesyukuran atas pemberian Allah SWT.

(i) Nyatakan maksud akikah. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** perkara sunat korban. [4 *markah*]

(iii) Bapa anda ingin memilih seekor lembu bertujuan untuk melaksanakan ibadah korban. Bagaimanakah anda dapat membantu beliau mengenalpasti pilihan yang terbaik agar ibadah tersebut diterima oleh Allah SWT. [4 *markah*]

(*b*) Muamalat Islam adalah hukum syarak yang berkaitan dengan urusan kewangan.

(i) Nyatakan hukum muamalat Islam. [1 *markah*]

(ii) Senaraikan **tiga** contoh akad dalam muamalat Islam. [3 *markah*]

(iii) Jelaskan unsur yang diharamkan dalam muamalat Islam. [2 *markah*]

(*c*) Nusyuz boleh menyebabkan keruntuhan rumahtangga.

(i) Apakah maksud nusyuz? [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** contoh perbuatan nusyuz. [2 *markah*]

4. (*a*) Kerajaan Umaiyah telah memerintah dari tahun 41 Hijrah hingga 132 Hijrah.

(i) Senaraikan **dua** orang khalifah yang terkenal pada zaman kerajaan Umaiyah. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** faktor kegemilangan kerajaan Umaiyah dari aspek ketenteraan. [4 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** iktibar daripada pemerintahan kerajaan Umaiyah. [4 *markah*]

(*b*) Hasan al-Banna merupakan tokoh Islam yang terkemuka.

(i) Nyatakan riwayat hidup beliau. [2 *markah*]

(ii) Senaraikan **dua** hasil karya beliau. [2 *markah*]

(iii) Jelaskan ketinggian akhlak beliau yang boleh dicontohi oleh pelajar. [2 *markah*]

(iv) Terangkan **dua** iktibar daripada ketokohan beliau. [4 *markah*]

5. (*a*) Wasatiah menjamin kecemerlangan umat.

(i) Nyatakan maksud wasatiah. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** ciri umat yang cemerlang. [4 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** hikmah melaksanakan prinsip wasatiah dalam kehidupan. [4 *markah*]

(*b*) Alam sekitar ialah segala benda hidup dan bukan hidup yang terdapat di sekeliling manusia.

(i) Nyatakan **dua** adab menjaga alam sekitar. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** kepentingan menjaga alam sekitar kepada kehidupan kita. [4 *markah*]



(iii) Berdasarkan gambar di atas, bagaimanakah cara yang boleh anda lakukan untuk menangani situasi tersebut. [4 *markah*]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

<table>
<tr><th colspan="3">NO. SOALAN</th><th>JAWAPAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Dua contoh larangan mengambil harta orang lain secara haram selain rasuah:
- Riba
- Judi
- Mencuri
- Merompak
- Menipu
- Salah guna kuasa.</td><td>2 isi x 1m
= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Pengajaran ayat:

- Kita hendaklah mencari rezeki halal (1m) agar tidak menyalahi syariat Islam (1m).
- Kita hendaklah menjauhkan diri daripada memberikan rasuah (1m) supaya tidak menzalimi diri dan masyarakat (1m).
- Kita hendaklah mengelakkan diri daripada sumpah palsu (1m) untuk mendapatkan kepentingan tertentu (1m).</td><td>2 isi x 2m
= 4m

Isi=1m
H=1m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Rubrik penskoran:
<table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian yang lengkap yang menyebut contoh/sebab/kesan/dalil sokongan .</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Merumuskan isi berserta huraian lengkap yang menyebut contoh/sebab/kesan/dalil sokongan. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
Cadangan isi:
- Mendalami ilmu agama
- Mengedarkan risalah keburukan rasuah
- Mengadakan kempen anti rasuah
- Menasihati rakan</td><td>4 isi x1m
= 4m

Isi = 1m
H = 1m
HL = 1m
K = 1m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>
<table>
<tr><th>Hukum tajwid</th><th>Cara bacaan</th></tr>
<tr><td>i. Mad Lazim Kalimi Muthaqqal</td><td>6 harakat</td></tr>
<tr><td>ii. Qalqalah Kubra</td><td>Lantunan kuat</td></tr>
</table>
</td><td>4 isi x 1m
= 4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td>(i)</td><td>Dua tanggungjawab anak selepas kematian:
- Mendoakan keampunan
- Menjelaskan hutang
- Upah haji
- Menghubungkan silaturrahim dengan kenalan arwah</td><td>2 isi x 1m
= 2m</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th colspan="3">NO. SOALAN</th><th>JAWAPAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>2.</td><td>(a)</td><td>(iii)</td><td>Rubrik penskoran :
<table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian yang lengkap yang menyebut contoh/sebab/kesan/dalil sokongan .</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Merumuskan isi berserta huraian lengkap yang menyebut contoh/sebab/kesan/dalil sokongan. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
Cadangan isi:
- Memutuskan silaturahim dan persaudaraan Islam.
- Membentuk individu masyarakat yang bersikap agresif dan kasar.
- Menjatuhkan imej masyarakat Islam/ dipandang hina oleh masyarakat lain.
- Merosakkan akidah masyarakat.
- Menggugat keamanan masyarakat.</td><td>4 isi x1m = 4m

Isi = 1m
H = 1m
HL = 1m
K = 1m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Dua nama lain ASWJ:
- Assalafus Soleh
- As Sawadul A’zhom
- Al Asya'irah
- Al Maturidiyah
- Ahlul Hadis</td><td>2 isi x 1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Pandangan ASWJ terhadap perkara berikut;
a. Kedudukan iman:
- Iman boleh bertambah dan berkurang bergantung pada amal soleh dan maksiat yang dilakukan.
b. Pelaku dosa besar:
- Pelaku dosa besar tetap dikira sebagai mukmin bukan kafir dan dihukum fasik jika tidak bertaubat.</td><td>2 isi x 2m = 4m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Dua prinsip ASWJ:
- Iman ialah kepercayaan serta keyakinan dalam hati, pengakuan dengan lidah dan beramal dengan perbuatan sebagai bukti kesempurnaan iman.
- Segala perbuatan manusia dicipta oleh Allah, namun manusia diberi pilihan atau kehendak untuk melakukan ataupun tidak serta dihitung baginya dosa dan pahala.
- Meyakini kewujudan perkara ghaib seperti yang diwahyukan dalam al quran dan sunnah.
- Meyakini bahawa syurga dan neraka telah wujud, sebelum dijadikan makhluk. Kewujudan syurga dan neraka adalah kekal selamanya.
- Syafaat rasulullah adalah dengan izin tuhannya, termasuklah syafaat baginda untuk pelaku dosa besar kerana mereka masih dikira beriman.
- Perutusan para nabi dan rasul adalah harus bagi Allah dan merupakan rahmat allah kepada manusia.</td><td>2 isi x 2m = 4m</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th colspan="3">NO. SOALAN</th><th>JAWAPAN</th><th>MARKAH</th></tr>
<tr><td>3.</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud akikah:
- Menyembelih binatang ternakan al an’am (1m) /sempena kelahiran bayi (1m).</td><td>2 isi x 1m
= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua perkara sunat korban:
- Orang yang berkorban disunatkan tidak bercukur dan memotong kukunya pada permulaan bulan Zulhijjah sehingga selesai korban.
- Melakukan penyembelihan korban dengan sendiri dan tidak mewakilkan kepada orang lain jika mampu.
- Melaksanakan segala sunat sembelihan seperti menghadap arah kiblat dan alat sembelihan yang tajam.
- Membaca “ Bismillah Allahuakbar” dan berselawat ke atas Rasulullah SAW ketika menyembelih.
- Berdoa semasa hendak menyembelih:
اَللَّهُمَّ هَذَا مِنْكَ وَإِلَيْكَ، فَتَقَبَّلْ مِنِّي
Maksudnya: Ya Allah, binatang ini daripadaMu dan kembali kepadaMu, terimalah korbanku.</td><td>2 isi x 2m
= 4m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Rubrik penskoran :
<table><tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian yang lengkap yang menyebut contoh/sebab/kesan/dalil sokongan .</td><td>3m</td></tr><tr><td>Merumuskan isi beserta huraian lengkap yang menyebut contoh/sebab/kesan/dalil sokongan. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table>
Cadangan isi:
- Binatang yang cukup umur
- Binatang yang sihat / tidak cacat
- Memilih binatang yang gemuk</td><td>4 isi x1m
= 4m

Isi = 1m
H = 1m
HL = 1m
K = 1m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Hukum muamalat Islam: harus</td><td>1 isi x 1m
= 1m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Tiga contoh akad dalam muamalat Islam:
- Jual beli
- Sewa
- Hibah
- Qardu
- Wakaf
- Wadiah
- Musyarakah
- Mudharabah
- Wakalah
- Kafalah
- Rahnu</td><td>3 isi x 1m
= 3m</td></tr>
</table>

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Trial SPM

Pendidikan Islam (35+ set)

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- Kertas trial SPM dari banyak negeri untuk subjek yang dipilih
- Skema jawapan / cadangan jawapan
- Set Penuh: semua 17 subjek dan jadual ulangkaji A+
- Set Lengkap SPM: + kertas sebenar SPM 2025 + kupasan mutu jawapan + nota 9 subjek T4 & T5

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar